

08 OCT 1999

Waad-Kenduri

WAAD AKAN ADAKAN KENDURI, AZAM TERUS BERJUANG BERSAMA UMNO

SEREMBAN, 8 Okt (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Gemencheh, Datuk Waad Mansor, yang didapati tidak bersalah atas tiga tuduhan rasuah hari ini, berkata beliau akan mengadakan kenduri kesyukuran dan berazam untuk terus berjuang bersama Umno.

Katanya meskipun jika beliau tidak dipilih sebagai calon pada pilihan raya umum nanti, beliau akan tetap menyokong Umno dan Barisan Nasional (BN) bagi memastikan kemenangan BN.

"Saya akan berbuat apa sahaja dan akan bekerja keras untuk BN kerana percaya kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya ketika ditemui pemberita selepas Mahkamah Tinggi melepaskan dan membebaskan beliau daripada tiga tuduhan rasuah itu.

Waad, 42, bekas anggota Exco kerajaan negeri, berharap penyokongnya juga akan bekerja keras untuk BN.

Waad kelihatan tenang semasa Hakim Datuk Mohamad Noor Abdullah membacakan penghakiman dan membuat keputusan, dan sesudah itu terus ke tempat pemberita. Isterinya Datin Noraini Abdul Satar yang turut hadir dalam mahkamah yang sesak itu, kemudian terus memeluknya.

Waad berkata selama inipun beliau menjalankan tugas sebagai Anggota Dewan Undangan Negeri tetapi dengan tiada lagi kes perbicaraan, beliau akan dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada politik.

Katanya beliau kini menyerahkan kepada Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berhubung jawatan Exco yang telah diletaknya, serta jawatan Ketua Umno Bahagian Tampin ekoran cuti yang diambil daripada memegang jawatan itu sejak beliau dituduh di mahkamah pada 27 Mei 1998 berhubung kes itu.

Terserah kepada Mohamed Isa untuk membawanya kepada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, kata beliau.

Waad ialah bekas Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan, Penerangan dan Sumber Manusia negeri.

Noraini yang kelihatan sebak kerana kegembiraan, sekadar berkata: "Saya gembira, Alhamdulillah."

Mohamed Isa semasa ditemui pemberita selepas merasmikan konvensyen teknologi pendidikan Malaysia ke-12 di Port Dickson berkata beliau akan membawa perkara berhubung kedudukan Waad sebagai Ketua Umno Bahagian Tampin pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno esok.

Terpulang kepada Majlis Tertinggi untuk menentukannya, kata beliau.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas mengenai kedudukan Waad sebagai anggota exco. Waad telah meletak jawatan exco berikutan kes itu.

-- BERNAMA

AZ NMO MAI